

17/08/1998

PM lega jualan tiket makin laris

BIARPUN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuashati dengan jualan tiket Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI, Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98) tetap akan menggandakan promosi untuk mencapai sasaran jualan 500,000 tiket.

Malah, dengan hanya tinggal 25 hari lagi menjelang sukan prestij itu serta jualan tiket baru mencecah 290,000 bernilai RM15 juta setakat semalam, Sukom '98 percaya sasaran yang ditetapkan itu dapat dicapai.

Pengerusi Eksekutif Sukom '98, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, berkata tiada sebarang strategi khusus untuk meningkatkan lagi jumlah jualan, tetapi percaya orang ramai mula membeli untuk menjayakan temasya itu.

"Ketika Karnival Bangsar malam tadi, Tan Sri Muhyiddin (Mohd Yassin) ada memaklumkan kepada Perdana Menteri mengenai jualan tiket dan nampaknya dia berpuashati dengan perkembangan menggalakkan itu.

"Walaupun Perdana Menteri berpuashati, kami tidak akan menghentikan sebarang rancangan, sebaliknya akan meneruskan promosi untuk meningkatkan jumlah jualan sehingga mencapai sasaran yang ditetapkan," katanya semalam.

Dia berkata demikian selepas majlis gotong royong sempena Kuala Lumpur '98 di Stadium Nasional, Bukit Jalil, yang dilancarkan Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar.

Hampir 1,000 peserta terdiri daripada sukarelawan dan jabatan kerajaan serta swasta menyertai gotong royong itu untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan kebersihan, khususnya di semua gelanggang pertandingan untuk menjaga imej negara.

Sukom '98 mencetak 1.28 juta tiket bernilai RM36 juta dengan sasaran jualan tertumpu di dalam negeri.

Menurut Hashim, jualan tiket berharga RM80 dan RM30 untuk acara pembukaan dan penutup yang sebelum ini sukar untuk dijual, kini mendapat sambutan ramai dan hampir habis dijual.

"Perdana Menteri juga mahukan kedua-dua upacara itu berlangsung meriah dan gemilang. Jadi, kita minta orang ramai yang masih belum mendapatkan tiket untuk kedua-dua upacara itu mula mendapatkannya secepat mungkin," katanya.

Sementara itu, mengenai pendaftaran lewat negara peserta, dia berkata tiada sebarang tindakan, termasuk membatalkan pendaftaran atlit biarpun tarikh akhir yang diberikan kepada negara terbabit, awal September.

"Kita akan tetap terima biarpun pada saat akhir. Hanya 18 negara yang masih belum mengemukakan senarai masing-masing.

"Saya percaya ia bukan masalah besar, biarpun mereka menghantarnya selepas tarikh yang ditetapkan. Apapun, kami harap mereka berbuat demikian sebelum tarikh itu," katanya.

(END)